



UDA HOLDINGS BERHAD

**MAJLIS PELANTIKAN SEKOLAH ANGKAT – SMK BANDAR UDA UTAMA DAN
SERAHAN DANA SEBANYAK RM30,000**

Johor Bahru, 25 Ogos 2019 – UDA Holdings Berhad (UDA), syarikat pembangunan hartanah, pengurusan aset dan fasiliti, dan hospitaliti yang mampan di Malaysia sekali lagi mengambil langkah murni menyantuni masyarakat dalam usaha memperkasa komuniti setempat. Menerusi anak syarikat UDA Land South Sdn Bhd (ULSSB), UDA menjalankan salah satu program tanggungjawab sosial korporatnya iaitu 'UDA Cares – Educational' di selatan tanah air. UDA telah melantik Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar UDA Utama sebagai sekolah angkat secara rasmi dalam satu majlis sempena Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Sekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar UDA Utama, hari ini, di sini.

Majlis berkenaan telah disempurnakan oleh YB Tn. Sr. Dzulkefly Ahmad, EXCO Perumahan, Komunikasi & Multimedia Negeri Johor dan diiringi oleh YBrs En. Adil Md Noor, Ketua Pegawai Operasi ULSSB, En. Imran Salleh, Ketua Pegawai Operasi Angsana Johor Bahru Mall dan Pn. Hj. Rosliza Taib, Pengetua SMK Bandar UDA Utama. Turut hadir memeriahkan majlis tersebut ialah barisan pengurusan kanan UDA serta guru dan pelajar SMK Bandar UDA Utama.

Menurut YBrs En. Zahrin Zakaria, Pemangku Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif UDA dalam ucapannya yang disampaikan oleh En. Adil Md Noor, "SMK Bandar UDA Utama adalah salah satu sekolah daripada 11 buah sekolah yang telah dipilih sebagai sekolah angkat di serata Malaysia menerusi inisiatif 'UDA Cares – Educational'. Pelantikan SMK Bandar UDA Utama secara rasmi ini membolehkan pihak sekolah menjalankan program-program khas bagi membantu pelajar selain meningkatkan prestasi kurikulum dan ko-kurikulum menerusi dana yang disumbangkan oleh UDA. Setiap sekolah angkat di bawah program UDA Cares – Educational menerima dana sekitar RM30,000.00," katanya.

Pada majlis tersebut, YB Tn. Sr. Dzulkefly Ahmad turut menyampaikan ucapan sebelum menandatangani plak, seterusnya merasmikan pelantikan SMK Bandar UDA Utama sebagai sekolah angkat UDA. Barisan tetamu kehormat turut dibawa melawat ke Galeri FC UDA Utama seterusnya ke Galeri Inovasi sebelum melaungkan kemerdekaan bersama-sama guru dan pelajar sekolah tersebut.

Tambah En. Zahrin lagi, "Sekolah angkat perlu menghantar kertas cadangan untuk diteliti bagi memastikan program-program yang dijalankan menepati kriteria dan mencapai matlamat utama. Hal ini kerana, fokus utama inisiatif 'UDA Cares – Educational' adalah untuk memperkasakan generasi muda menerusi pendidikan.

Pihak UDA turut memantau keberkesanan program bagi memastikan program yang dijalankan pihak sekolah mencapai objektif dan matlamat kedua-dua belah pihak," katanya lagi.

En. Zahrin berkata, "UDA sentiasa menyantuni komuniti setempat khususnya golongan yang memerlukan bagi menyumbang semula kepada masyarakat. Usaha berterusan ini dijalankan bukan saja memberi nilai tambah tapi turut mengeratkan lagi hubungan antara UDA dan anak syarikat bersama masyarakat sekitar," katanya.

Jenama CSR 'UDA Cares' mula diketengahkan pada tahun 2017 dan ia digunakan secara rasmi mulai Jun tahun ini. Empat tunggak baru turut diperkenalkan merangkumi UDA Cares – Educational (pendidikan), UDA Cares – Entrepreneur (keusahawanan), UDA Cares – Project RE_ (komuniti) dan UDA Cares – Enriching Life (sumbangan zakat).

SMK Bandar UDA Utama dipilih sebagai sekolah angkat kerana ia terletak di kawasan projek pembangunan UDA iaitu Bandar UDA Utama. Selain sekolah tersebut, sebuah sekolah lagi turut dipilih di selatan tanah air iaitu Sekolah Kebangsaan Sg. Danga. Sembilan buah sekolah lain yang turut dipilih sebagai sekolah angkat terletak di kawasan pembangunan dan perniagaan UDA di Pulau Pinang, Perak, Negeri Sembilan, Terengganu dan Selangor.

Bandar UDA Utama adalah salah satu kawasan pembangunan UDA di selatan tanah air yang berkeluasan 470 ekar di mana 35.6 ekar telah diserahkan kepada pihak kerajaan negeri untuk dibangunkan sebagai rumah di bawah kategori kos rendah dan sederhana rendah. UDA telah membangunkan hampir 40% dari baki tersebut yang terdiri daripada perumahan jenis teres 1 tingkat, teres 2 tingkat, rumah sesebuah, kedai pejabat 1 tingkat dan juga kedai pejabat 2 & 3 tingkat. Peratusan pemilikan Bumiputera masih mengikut peratusan yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan negeri iaitu 40%. Faktor utama penjualan projek pembangunan Bandar UDA Utama adalah kerana faktor lokasinya yang terletak di dalam Pembangunan Wilayah Iskandar, Johor Bahru. Untuk pembangunan yang akan datang Bandar UDA Utama akan menawarkan hartanah seperti berikut; -

- a) Rumah teres 2 tingkat
- b) Rumah berkembar 2 tingkat
- c) Rumah sesebuah
- d) Kedai Pejabat 2 & 3 tingkat
- e) Apartment
- f) Kondominium

Untuk maklumat lanjut mengenai projek hartanah kediaman dan komersial dari ULSSB boleh membuat pendaftaran di pejabat jualan atau hubungi Jabatan Pemasaran & Jualan di talian 07 - 237 4944 / 1800 1800 89 / 0111 722 6120.

Sila layari laman sesawang UDA di www.uda.com.my untuk maklumat lanjut atau ikuti perkembangan UDA di Laman **Facebook; UDA Holdings Berhad dan Instagram @uda_official**.

TAMAT

MENGENAI UDA HOLDINGS BERHAD

UDA Holdings Berhad (UDA) merupakan salah satu organisasi pembangunan hartanah, pengurusan asset dan fasiliti, dan hospitaliti yang mampan dan berdaya saing di negara ini. Aktiviti utama syarikat termasuk pembangunan tanah, pengurusan harta dan pengurusan fasiliti, kompleks beli-belah serta industri hospitaliti. UDA telah bertapak kukuh dalam membentuk dan memodenkan Kuala Lumpur, Lembah Klang dan bandar-bandar utama lain di Malaysia sejak tahun 1971.

Untuk maklumat lanjut mengenai UDA, sila layari laman sesawang kami di www.uda.com.my atau laman Facebook www.facebook.com/UDAHoldings. Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

- **Nor Hanisah Kamaruzaman** | n.hanisah@udanet.com | **+6013 597 4264**
- **Latifah Osman (Lat)** | lat@udanet.com | **+6012 291 5427**

Bahagian Komunikasi Korporat Kumpulan
UDA Holdings Berhad
Tingkat 6, Blok Menara, Kompleks Pertama,
Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur.
Tel : +603 2730 8500 | Fax : +603 2731 2855